

# Cari jalan selesaikan pertelingkahan

## PENYELESAIAN ATASI PERGOLAKAN POLITIK NEGARA

- Negara tidak memerlukan sebarang pertukaran kerajaan atau pilihan raya pada ketika ini kerana ia bukan pilihan yang baik di saat negara sedang menghadapi gelombang ketiga penularan Covid-19.
- Penubuhan kerajaan baharu tidak menjanjikan sebarang jaminan kerana tiada sebuah parti yang benar-benar mempunyai majoriti ketika ini.
- Perdana Menteri perlu bertindak sebagai caretaker kerajaan dan berkompromi dengan beberapa tuntutan UMNO sebagai sebuah parti yang memiliki kerusi terbesar dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN).
- Mempertimbangkan cadangan supaya jawatan Timbalan Perdana Menteri diberikan kepada UMNO.
- Menteri-menteri yang didapati tidak mempunyai rekod yang baik perlu diambil tindakan.
- Kerajaan perlu meminta maaf dan mengakui bahawa PRN Sabah adalah kesilapan terbesar yang menyumbang kepada gelombang ketiga Covid-19.
- Memastikan Yang di-Pertuan Agong tidak dilibatkan dan diberikan tekanan untuk menyelesaikan krisis politik pada ketika ini.

Elak negara terjerumus dalam kemelut politik yang membawa kepada kehancuran

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SHAH ALAM

**P**erdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu berbincang dengan para pemimpin UMNO bagi menyelesaikan pertelingkahan antara mereka untuk mengelakkan negara terjerumus dalam kemelut politik yang boleh membawa kepada memusnahkan dan kehancuran.

Penganalisis politik daripada Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berkata, negara sedang bergelut dengan isu lebih besar membabitkan aspek ekonomi dan keselamatan.

“Sekarang ada dua situasi... iaitu isu keselamatan Covid-19 dan isu kebebasan yang mana ahli politik masih nak berpolitik kerana kebebasan itu dijamin dalam demokrasi.

“Namun, antara dua situasi itu, kita perlu utamakan keselamatan kerana ia melibatkan kepentingan masyarakat.

“Pada masa inilah, ahli politik perlu memikirkan sumbangan terbaik mereka dalam mengutamakan kepentingan rakyat iaitu gencatan politik dan PKP politik,” ujarnya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selain masyarakat, ahli politik dituntut memainkan peranan bagi meredakan ketegangan dengan tidak berpolitik secara melampau agar tidak memperju-



MOHD IZANI



KARTINI



NOOR NIRWANDY

dikan keselamatan negara.

Menurutnya, meskipun kerajaan bertukar kepimpinan, ia tidak memberi jaminan bahawa situasi politik akan kembali stabil sebaliknya negara akan terus berhadapan krisis yang sama.

Berhubung tindakan UMNO mengemukakan syarat baharu kepada kerajaan, beliau berpandangan, parti itu berhak berbuat demikian kerana mempunyai kerusi lebih banyak dalam kabinet parti gabungan kerajaan PN.

Sementara itu, penganalisis politik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Kartini Aboo Talib berkata, semua parti politik perlu menghentikan sebarang tindakan politik tidak produktif pada masa ini.

“Buat masa ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak perlu buat apa-apa. Di Parlimen mungkin tidak akan berlaku undi tidak percaya kerana ketika ini, negara berada dalam kegawatan yang mengancam keselamatan.

“Yang di-Pertuan Agong telah meletakkan bahawa kepentingan negara harus diutamakan,” katanya.

Sementara itu, penganalisis keselamatan dan politik, Dr Noor Nirwandy Mat Noordin berkata, berdasarkan pe-

merhatian di media-media sosial dilihat masyarakat mula muak dengan gelagat ahli-ahli politik di Malaysia.

“Kebanyakan pengguna media sosial menyuarakan kemarahan dan kesalan dalam kancang politik negara pada hari ini.

“Ini kerana mereka melihat ini permainan ahli politik semata-mata dan tidak melibatkan rakyat, kerana rakyat hanya dapat memberikan mandat mereka pada pilihan raya sahaja tetapi pilihan raya pada ketika ini tidak sesuai diadakan,” katanya.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Perangsar Media dan Informasi UiTM berkata, ahli politik seolah-olah sudah hilang fokus dan lebih bersifat individualistik serta berkepentingan peribadi dan parti daripada menunaikan tanggungjawab hakiki mereka iaitu memperjuangkan rakyat terutama apabila berlaku Covid-19 dan krisis kemanusiaan.

“Dicadangkan agar ahli politik ini berikan pendedahan mengenai peranan sebenar mereka sebagai ahli politik kerana mereka harus sedar akan tanggungjawab sebenar mereka,” ujar beliau.